



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

JAMUAN MAKAN MALAM DAN PENYAMPAIAN HADIAH
PERTANDINGAN GOLF
sempena

HARI ULANG TAHUN KE-80 TUAN YANG TERUTAMA YANG
DIPERTUA NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2018

OLEH

TUAN YANG TERUTAMA
TUN DATO' SERI UTAMA (DR.) HAJI ABDUL RAHMAN BIN
HAJI ABBAS
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT
09 DISEMBER 2018 (AHAD)
7.00 MALAM

**THE SUKOTHAI ROOM
HOTEL SHANGRI-LA
89/8 CHANG KLAN ROAD
MUANG CHIANG MAI 50100, THAILAND**

Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Ucapan YBhg. Dato' YDP MPSB 2018

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman
Bin Haji Abbas**

Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, dan isteri

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Majimor Binti Shariff

Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang

Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Merangkap

Pengerusi Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dan isteri

Yang Berbahagia Datin Teoh Hooi Tuang

Yang Berhormat Dato' Seri Farizan Bin Darus

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dan isteri

Yang Berbahagia Datin Seri Hajah Hamidah Binti Mat Daud

Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmod

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

YBhg. Datin Hjh. Che Limah Binti Hj. Ujang

Pengerusi PUSPANITA

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Mohd Puad Bin Hamid

Bendahari PESUKA

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agenzi Kerajaan

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berbahagia Dato' Seri Khor Teng Tong

Group Founder cum Executive Advisor of Hunza Properties Berhad

Yang Berusaha Tuan Ir. Anilarasu Amaranazan
Chief Operating Officer
Aspen (Group) Holdings Ltd.

Yang Berbahagia Datuk Sundarjoo Somu
Chief Operating Officer
Eco World Development Group Bhd

Yang Berbahagia Dato' Tean Kok Pin
General Manager
Bon Estates Sdn. Bhd.

Yang Berbahagia Dato' Seri, Yang Berbahagia Dato'-Dato', Yang Berbahagia Datin-Datin, Para Peserta Pertandingan Golf, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Jamuan Makan Malam Dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Golf Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-80 Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang.

Saya dengan penuh takzim dan penuh kesyukuran mengucapkan Selamat Hari Jadi yang ke-80 kepada Tuan Yang Terutama Tun. Semoga Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan sentiasa mendapat rahmat daripada Allah S.W.T. serta sihat sejahtera untuk terus memimpin pemerintahan Negeri Pulau Pinang yang tercinta.

Sesungguhnya, Tuan Yang Terutama Tun amat dekat dengan hati rakyat jelata dan kesejahteraan Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan adalah kesejahteraan rakyat juga. Semoga Tuan Yang Terutama Tun dan seisi keluarga dikurniakan kesihatan dan keselamatan

yang berpanjangan, dilimpahi rahmat, mendapat magfirah, diberkati usia, sihat tubuh badan dan dimurahkan rezeki untuk terus memayungi Pulau Pinang yang tercinta ini.

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan, Yang Berhormat Dato' Seri, Yang Berbahagia Dato'-Dato', Yang Berbahagia Datin-Datin, Para Peserta Pertandingan Golf, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

Pertandingan Golf Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-80 Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang adalah acara tahunan dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah diberi tanggungjawab untuk menganjurkan kejohanan pada tahun ini. Saban tahun kami dan peserta menunggu hari yang istimewa ini kerana bermusafir di samping bermain golf yang dapat memupuk semangat kesukunan di antara Jabatan-Jabatan Kerajaan dan agensi-agensi swasta.

Pada tahun ini, Pertandingan Golf Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-80 Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang ini diadakan di Thailand dengan diadakan Pertandingan Golf Persahabatan pada 8 Disember 2018 di Gassan Khuntan Golf and Resort, Chiang Mai. Ini diikuti dengan Pertandingan Golf pada 9 Disember 2018 di Chaing Mai Highlands Golf and SPA Resort, Chiang Mai yang telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun sendiri.

Seramai 40 peserta (*golfer*) telah menyertai pertandingan ini yang mewakili jabatan-jabatan kerajaan, pelbagai agensi swasta dan orang perseorangan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada penaja utama Pertandingan Golf Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-80 Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang ini, iaitu **Tetuan Hunza Properties Sdn. Bhd.** di bawah pimpinan Yang Berbahagia Dato' Seri Khor Teng Tong. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada para penaja yang lain iaitu **Pengurusan Majlis Perbandaran Seberang Perai, Tetuan Aspen Group, Tetuan Eurasia Express Sdn. Bhd., Tetuan EcoWorld and Tetuan Bon Estates Sdn. Bhd.** Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih kepada peserta-peserta Pertandingan Golf Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-80 Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang atas kerjasama dan sokongan yang diberikan untuk menjayakan program ini.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pemenang-pemenang yang akan diberikan hadiah-hadiah istimewa yang disediakan oleh penganjur. Di samping itu, MPSP juga akan mengadakan cabutan bertuah berbentuk baucer tunai dan juga tali leher istimewa sumbangan ikhlas daripada Tuan Yang Terutama Tun.

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan, Yang Berhormat Dato' Seri, Yang Berbahagia Dato'-Dato', Yang Berbahagia Datin-Datin, Para Peserta Pertandingan Golf, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

Rakyat menyanjung tinggi semangat kesukunan yang ditunjukkan oleh Tuan Yang Terutama Tun. MPSP juga merasa amat terharu di atas keprihatinan Tuan Yang Terutama Tun dalam pendidikan dan penjagaan alam sekitar apabila Tuan Yang Terutama Tun sudi hadir untuk merasmikan Majlis Penyempurnaan Mural 3D Daripada Tudung Botol Terpakai di Menara MPSP pada 1 Oktober 2018. Program ini merupakan *smart partnership* di antaran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di mana UPSI menyediakan kepakaran dalam “*Re-Imagining Waste as Resources*”, manakala, MPSP menyediakan 595 sukarelawan-sukarelawan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan MPSP dari semua peringkat, wira-wira orange, wakil-wakil persatuan dalaman MPSP iaitu Puspanita, Pesuka, Permai, Kospema, Anulae dan lain-lain; Agensi Kerajaan dan Institut Pengajian Tinggi; Syarikat-Syarikat Swasta termasuk kilang-kilang; sekolah-sekolah; wakil-wakil komuniti dan persatuan; serta orang awam. Sukarelwan-sukarelwan ini pula mendapat faedah dalam bentuk *knowledge transfer* dalam pembuatan Mural 3D. Mural 3D yang dihasilkan pula menyediakan ruang awam yang menarik minat pengunjung ke Menara MPSP untuk berselfie dan wefie.

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan, Yang Berhormat Dato' Seri, Yang Berbahagia Dato'-Dato', Yang Berbahagia Datin-Datin, Para Peserta Pertandingan Golf, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

Pada hari yang penuh barakah ini, kami berasa amat bersyukur kerana diberi peluang bersama Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan dalam menyambut ulang tahun rasmi kelahiran Tuan Yang Terutama Tun. Semoga bimbingan dan pimpinan Tuan Yang Terutama Tun serta sokongan isteri yg tercinta Toh Puan menjadi ibadah disisi Allah swt.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang, Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Yang Berbahagia Datin Teoh Hooi Tuang; Yang Berhormat Dato' Seri Farizan Bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Yang Berbahagia Datin Seri Hajah Hamidah Binti Mat Daud kerana sudi mengiringi Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan dalam majlis yang amat bermakna ini. Saya juga ucapkan terima kasih kepada peserta-peserta Pertandingan Golf Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-80 Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang yang

bersama-sama hadir meraikan hari kelahiran bersama Tuan Yang Terutama Tun di hari yang indah ini.

Saya bagi pihak pengurusan Majlis Perbandaran Seberang Perai memohon maaf khususnya kepada Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan, jika ada ketelanjuran kata, salah bicara sepanjang ucapan ini dan di atas segala kekurangan di dalam pengajuran program ini. Saya mendoakan Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan serta semua yang turut serta dalam program ini selamat kembali ke tanah air tercinta.

Saya tidak berhasrat untuk berucap lebih panjang lagi kerana saya percaya semua perserta telah penat. Terima kasih di atas khidmat bakti dan keprihatinan Tuan Yang Terutama Tun dalam menerajui pemerintahan negeri ini dan mengucapkan Selamat Menyambut Hari Jadi Yang ke-80. Semoga Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Berbahagia Toh Puan serta keluarga sentiasa mendapat kerahmatan dan keberkatan dalam menjalani kehidupan seharian serta hidup aman bahagia dan sejahtera selalu hendaknya.

Sekalung penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Pasukan Sekretariat dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

dan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang telah bertungkus lumus mengatur program ini sehingga berjaya dilaksanakan.

Untuk itu, saya hiasi penyudah kata saya ini dengan dua rangkap pantun.

Pisang disisir letak di peti,

Berangan bunga susun terikat,

Selamat hari lahir buat TYT,

Semoga dikurnia usia yang berkat.

Terbang merpati di hujung tanjung,

Menuju perigi berlantai papan,

Piala TYT sampai penghujung,

Berjumpa lagi di masa hadapan.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.